SIARAN MEDIA

JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA PERKUKUH BUDAYA INTEGRITI DAN TADBIR URUS MELALUI PROGRAM HARI INTEGRITI 2026

Sungai Buloh, Selangor | 5 November 2026 – Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) terus memperkukuh tatakelola dan budaya kerja berintegriti menerusi penganjuran Hari Integriti JPSM Tahun 2026. Usaha ini disokong oleh pencapaian Pensijilan Sistem Pengurusan Integriti dan Governans (SPINE) Tahap Unggul dengan skor 92.37 peratus, serta penarafan Risiko Rendah bagi rasuah dan salah guna kuasa dalam penilaian Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tahun 2026. Pengiktirafan ini mencerminkan komitmen kepimpinan dan warga jabatan dalam mengurus risiko integriti, memperkukuh kawalan dalaman serta meningkatkan pematuhan dan ketelusan dalam penyampaian perkhidmatan.

Bertemakan **"Integriti Kita, Nilai Kita"**, majlis ini telah dirasmikan oleh Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia, YBhg. Dato' Mohd Radhi Chu bin Abdullah. Program ini menekankan tanggungjawab warga jabatan untuk mengamalkan nilai amanah, ketelusan dan akauntabiliti dalam setiap keputusan serta tindakan, khususnya dalam pengurusan dan pemeliharaan sumber hutan negara.

Dalam ucapan perasmiannya, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia, YBhg. Dato' Mohd Radhi Chu bin Abdullah menegaskan bahawa integriti adalah tanggungjawab bersama seluruh warga perhutanan tanpa mengira jawatan dan gred. Ujar beliau, nilai akauntabiliti, kejujuran dan ketelusan perlu bermula daripada diri sendiri sebelum diterjemahkan dalam budaya kerja organisasi.

JPSM turut mencatat pencapaian membanggakan apabila menjadi antara jabatan di bawah Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) yang berjaya mendapat keputusan cemerlang melebihi 90%

dalam Audit Nilai SPAN 2.0 Tahun 2025 dengan skor indeks komposit sebanyak 90.53%. Pencapaian ini secara tidak langsung telah meletakkan JPSM sebagai penanda aras dan rujukan kepada jabatan serta agensi lain dalam usaha memperkukuhkan agenda integriti dan governans organisasi.

Bagaimanapun, Dato' Mohd Radhi mengingatkan agar warga perhutanan tidak terlalu berpuas hati dengan pencapaian dan pengiktirafan yang diperoleh. Menurut beliau, “Integriti bukan sekadar skor yang kita capai, tetapi amanah yang kita tunaikan.” Justeru, setiap pengiktirafan perlu diterjemahkan melalui peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan dan amalan kerja yang berintegriti.

Program ini turut mengetengahkan inisiatif penambahbaikan tadbir urus oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPN Selangor), khususnya pelaksanaan proses penyiasatan awam (*Public Inquiry*) bagi cadangan penyahwartaan Hutan Simpanan Kekal (HSK), sebagaimana diperuntukkan di bawah Seksyen 11, Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985. Mekanisme ini memberi ruang kepada orang awam, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), penduduk setempat dan pihak berkepentingan untuk mengemukakan pandangan, bantahan serta maklum balas sebelum keputusan dibuat oleh Kerajaan Negeri.

Kepentingan penglibatan masyarakat dapat dilihat melalui kes Hutan Simpan Kuala Langat Utara (HSKLU), apabila cadangan penyahwartaan kawasan tersebut dibatalkan oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2021. Atas usaha penambahbaikan tadbir urus ini, JPN Selangor turut menerima Sijil Penghargaan Penambahbaikan Tatakelola.

JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA
5 NOVEMBER 2026

MALAYSIA MADANI

Unit Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam | Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia
Tel: 03-2616 4488 | Faks: 03-2692 5657